# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN UTeM



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## TAHUN 2010

# LAPORAN TAHUNAN

## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERPUSTAKAAN

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# 2010

# 9. 0 GEDUNG ILMU

Selepas hampir 10 tahun beroperasi, Perpustakaan UTeM kini beroperasi di bangunan sendiri di Kampus Induk, yang mampu memuatkan hampir 700 orang pada satu-satu masa. Sepanjang tahun 2010 perpustakaan telah merekodkan 72,736 pengunjung dengan melibatkan pinjaman sejumlah 28,366 buah buku.

Jumlah buku dalam koleksi sehingga akhir tahun 2010 ialah 50,138 judul (52,241 naskah) berbanding tahun 2009 iaitu 40,938 judul (42,872 naskah). Berdasarkan bilangan pelajar UTeM sehingga akhir tahun 2010 berjumlah 7,108 orang (pelajar diploma, ijazah pertama dan pasca siswazah) menjadikan nisbah pelajar dengan koleksi buku ialah 1:7.

Sesuai dengan perkembangan semasa, tahun 2010 menyaksikan perpustakaan UTeM berupaya menyediakan maklumat dalam bentuk digital di mana sebanyak 2,929 bahan telah didigitalkan yang terdiri daripada koleksi-koleksi UTeM yang antaranya ialah kertas soalan peperiksaan, abstrak Tesis, Projek Sarjana Muda (PSM), dan ucapan-ucapan Naib Canselor.

Sebagai pusat maklumat Universiti, perpustakaan memainkan peranan utama dalam penganjuran Festival Membaca 2010, yang dilaksanakan bersempena dengan Sambutan 10 tahun UTeM. Festival yang berlangsung dari 1 September hingga 6 Oktober 2010 telah melibatkan 12 aktiviti dengan dua program utama iaitu Bicara Ilmu bertajuk `Pekerja Berinovasi Pemacu Tranformasi Negara: Realiti dan Cabaran' pada 21 September 2010 dan Bicara Tokoh bertajuk `Menelusuri Kecemerlangan Melalui Pengalaman' pada 6 Oktober 2010.

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran perpustakaan yang sejahtera, kondusif, endah dan mesra, perpustakaan juga telah dapat menyediakan ruang legar 24 jam, yang siap sepenuhnya pada pertengahan bulan Disember 2010 dan akan di buka kepada pengguna pada awal semester iaitu 3 Januari 2011. Mulai pertengahan Julai 2010, waktu operasi perpustakaan telah diubah iaitu daripada pukul 8 pagi hingga 11 malam kepada 8 pagi hingga 10 malam sepanjang Isnin hingga Jumaat dan waktu rehat hari Jumaat (12.15 hingga 2.45 petang) telah dibuka kepada pengguna.

Tahun 2010 turut menyaksikan penaiktaraf sistem mengindekskan koleksi perpustakaan kepada RFID dengan piawaian ISO, yang turut menyediakan sistem peminjaman dan pemulangan buku layan diri di kedua-dua Kamus Induk dan Kampus Bandar.

Sehingga akhir tahun 2010, sejumlah 309 judul artikel telah diterbitkan di Scopus oleh staf UTeM, dengan artikel dari fakulti FKEKK adalah fakulti yang paling banyak menyumbang iaitu sebanyak 116 artikel. Manakala jumlah keseluruhan artikel yang telah dirujuk *(cited)* adalah sebanyak 150 kali Selaras dengan perkembangan semasa, perpustakaan juga dalam proses mendokumenkan semua proses kerja dan dasar untuk dijadikan dokumen standard ISO dalam usaha mendapatkan persijilan ISO 9001:2008 dalam bidang perkhidmatan perpustakaan. Beberapa kursus dan bengkel berkaitan ISO dan dokumentasi proses kerja ISO telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010. Satu eksasais audit dalaman telah dilaksanakan pada 22 Disember 2010 sebelum lawatan audit SIRIM yang dijadualkan pada tahun 2011.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 9.1 KOLEKSI ILMU

Perpustakaan meneruskan usaha untuk membangun dan mengukuhkan koleksi rujukan dan sumber elektronik bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti melalui pembelian, hadiah dan pertukaran dengan berfokus kepada *niche area* universiti iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat (IT) dan keusahawanan.

| *Tahun* | *2009* | *2010* |
|---|---|---|
| **Jumlah judul** | 104,348 judul<br>53,015 judul bahan bercetak dan 51,333 judul bahan *online* | 131,723 judul<br>55,885 judul bahan bercetak dan 75,838 judul bahan *online* |

Pada tahun 2010, jumlah penerimaan monograf dan bahan media adalah 9,358 judul (9,554 naskah) dengan jumlah nilaian lebih RM2.4 juta. Jumlah penerimaan monograf ini menunjukkan pertambahan sebanyak 11.3% iaitu 9,200 judul (9,369 naskah) berbanding 8,066 judul (8,566 naskah) pada tahun 2009. Manakala jumlah penerimaan bahan media juga menunjukkan pertambahan sebanyak 38 % iaitu 599 judul (642 naskah) tahun 2010 berbanding 434 judul (520 naskah) tahun 2009. Bahan-bahan koleksi perpustakaan adalah seperti buku, majalah, tesis, projek sarjana muda serta e-buku dan e-jurnal dalam pangkalan data selain CD-Rom.

Bagaimanapun tahun 2010 tiada pangkalan data baru di langgan menjadikan jumlah keseluruhan pangkalan data yang boleh diakses melalui portal perpustakaan ini kekal 29 pangkalan data dengan 75,838 judul iaitu 10 Pangkalan Data e-Jurnal (20,784 judul) dan lima pangkalan Data e-Buku (55,054 judul), seperti pada jadual di bawah:

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### 9.1.1 PANGKALAN DATA E- JURNAL (20,784 JUDUL)

| Bil | Pangkalan Data | Akses | Bidang/Perkara |
|---|---|---|---|
| 1. | **ACM Digital Library**<br>**(418 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Artikel-artikel terbitan Association for Computing Machinery (ACM) meliputi bidang computer dan sains computer. |
| 2. | **ASME**<br>**(25 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Pendidikan teknikal dan penyelidikan kejuruteraan mekanikal dan pelbagai disiplin kejuruteraan. |
| 3. | **Begell House**<br>**(37 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Koleksi penyelidikan kejuruteraan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Ebscohost**<br><br>**(2,200 judul)** | Abtrak /Teks Penuh | Ekonomi & pendidikan, Sosial Sains, dan Pengurusan & Sains |
| 5. | **Emerald**<br><br>**(234 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Pengurusan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perpustakaan dan maklumat, kejuruteraan, sains gunaan dan teknologi. |
| 6. | **IEEE Explore**<br><br>**(16,789 judul)** | Akstrak/ Teks Penuh | Kejuruteraan daripada Insitute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE) dan Institute of Electrical Engineers (IEE). |
| 7. | **Institute of Physics (IOP) (67 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Fizik dan penyelidikan dalam bidang sains |
| 8. | **ScienceDirect**<br><br>**(449 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Sains kuputer, Kejuruteraan, perakaunan dan perniagaan. |
| 9. | **Society for Industrial and Applied Mathematic (SIAM) (15 judul)** | Abstrak/Teks Penuh | Matematik, sains dan teknologi. |
| 10. | **Wilson Web**<br><br>**(550 judul)** | Abstrak/ Teks Penuh | Sains am, Sains Gunaan dan Teknologi. |

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**9.1.2 PANGKALAN DATA E- BUKU (55,054 JUDUL)**

| Bil | Pangkalan Data | Akses | Bidang/Perkara |
|---|---|---|---|
| 1. | **Access Engineering**<br><br>**(342 judul)** | Abstrak &<br><br>Teks Penuh | Diterbitkan oleh McGraw-Hill Publications dalam bidang Kejuruteraan Industri, Elektrik, Komunikasi, Kimia, Biologi, Angkasa Lepas, Mekanikal, Matematik & Sains, Persekitaran dan Kejuruteraan Awam |
| 2 | **Ebrary**<br><br>**(52,000 judul)** | Abstrak &<br>Teks Penuh | Kejuruteraan & teknologi, kumputer & teknologi maklumat, sains, sains sosial, pendidikan, pengurusan, pemasaran, ekonomi dan lain-lain. |
| 3<br>. | **EngNetBase**<br><br>**(450 judul)** | Abstrak/<br><br>Teks Penuh | Diterbitkan oleh CRC Press dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Telekomunikasi |
| 4 | **Morgan & Claypool** | Abstrak/Teks Penuh | Bidang Biomedical engineering, computational electromagnetics, computer |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(220 judul)** | | & infomation science and general engineering. |
| 5. | **NetLibrary**<br><br>**(2,042 judul)** | Abstrak &<br><br>Teks Penuh | Bidang fizik, sosial sains, sukan & rekreasi, teknologi, kejuruteraan & pembuatan, Perubatan, Kimia, Pendidikan, Matematik & Statistik, Sains Perpustakaan, Rangkaian & Telekomunikasi, Undang-undang dan lain-lain. |

Manakala koleksi majalah di perpustakaan ialah 365 judul yang dilanggan dan daripada jumlah itu hanya lapan judul yang dikenalpasti sebagai `majalah berimpak tinggi (*high impact journal*) iaitu :

- International Journal of Damage Mechanics
- Artificial Intelligance
- Journal of Database Management
- International Journal of Computer Vision
- Proceediing of the IEEE
- International Journal for Numerical Methods in Engineering
- Aerosal Science and Technology
- Fuel

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 9.2 PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tahun 2010 menyaksikan perpustakaan menggunakan sepenuhnya sistem Radio Frequency Indentification (RFID) dengan piawaian ISO selepas kejayaan menjalani tempoh percubaan RFID sejak tahun 2009.

Sistem RFID ISO ini telah disepadukan dengan sistem perpustakaan yang diguna pakai sejak lima tahun lalu iaitu `*Integrated Library Management Utility (ILMU)*. Melalui gabungan kedua-dua sistem ini, segala urusan peminjaman dan pemulangan bahan di kaunter, pembaharuan tarikh pulang dan tempahan bahan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan cekap. Para pengguna juga mempunyai pilihan untuk berurusan secara layan diri melalui Mesin Peminjaman Layan Diri yang ada di kedua-dua Kampus Induk dan Kampus Bandar serta Mesin Pemulangan Layan Diri yang dibuka 24 jam sepanjang tujuh hari seminggu di Kampus Induk sahaja.

Sebagai langkah keselamatan dan kemudahan pengguna yang berada di luar dari domian UTeM, perpustakaan meneruskan perkhidmatan EzProxy iaitu sistem yang bertindak sebagai pengantara bagi mengakses pangkalan data (database online) melalui portal Perpustakaan UTeM.

Perpustakaan juga telah mula membangunkan Institutional Repository (IR) –UTeM bagi menyimpan koleksi UTeM secara digital dan menyebar luaskan koleksi berkenaan melalui portal perpustakaan.

## 9.3 PERKHIDMATAN

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan Perpustakaan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang telah disediakan. Di bangunan baru ini disediakan dua bilik seminar, dua bilik tayangan, tiga ruang perbincangan, bilik karel dan bilik pandang dengar serta ruang pengguna komputer terbuka, bilik pangkalan data dan ruang WebOPAC.

Kemudahan itu adalah seperti komputer di ruang terbuka (28 buah), bilik pangkalan data (48 buah komputer), ruang komputer Web OPAC (14 buah), dua bilik seminar (32 kerusi bagi setiap bilik), dua bilik tayangan masing-masing dengan kapasiti 18 kerusi dan 32 kerusi, bilik pandang dengar (10 bilik), dan bilik karel (20 bilik).

Bilangan pengguna yang mengunjungi Perpustakaan ialah 287,627 orang (fizikal 72,736 orang dan maya 214,891 akses) berbanding 101,964 orang pada tahun 2009.

| Perkara | Tahun 2009 | Tahun 2010 |
|---|---|---|
| Keahlian perpustakaan (aktif) | 11,200 orang | 9,718 orang |
| Pengunjung | 101,964 orang | 287,627 orang |
| Pinjaman bahan | 30,260 naskah | 28,366 naskah |
| Penggunaan ruang/bahan media | 4,715 pengguna | 12,924 pengguna |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengguna dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan, Perpustakaan juga telah menyediakan khidmat rujukan dan nasihat melalui Meja Penasihat Pengguna (MPP). Perkhidmatan ini juga untuk membantu pengguna mendapatkan maklumat atau bahan-bahan yang berada dalam dan luar Perpustakaan UTeM.

Perpustakaan meneruskan program Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) dalam usaha memberikan perkhidmatan nasihat dalam menyokong kecemerlangan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi membantu pelajar-pelajar tahun pertama dan tahun akhir serta pegawai dan pembantu penyelidik dalam mengoptimumkan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Sebanyak 19 kali KKM telah dilaksanakan dengan dihadiri oleh 561 orang yang terdiri daripada pelajar baru, pelajar tahun akhir, pasca siswazah, pegawai dan pembantu penyelidik (RO/RA) dan pensyarah.

Dalam usaha untuk menarik minat warga UTeM terutamanya pelajar, perpustakaan telah mewujudkan Pegawai Perantara yang dari semasa ke semasa akan memaklumkan kepada fakulti berkenaan sesuatu perkara/makluman yang boleh menarik minat pelajar.

# LAPORAN RINGKAS PRESTASI PEJABAT PERPUSTAKAAN BAGI TAHUN 2010.

## 1. Program Budaya Ilmu

Pada tahun 2010, Perpustakaan UTeM telah menganjurkan program `Bicara Ilmu` dan `Bicara Tokoh` sempena dengan 10 tahun UTeM. Tajuk yang dibincangkan oleh tiga panel dalam program `Bicara Ilmu` yang terdiri daripada YM Dato' Profesor Dr. Raja Abdullah Raja Yaacob dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Shah Alam, Profesor Dr. Shahrin Shahib @ Sahibuddin, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi, UTeM, dan En. Amir bin Aris, Pensyarah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan, UTeM sebagai pemudahcara, adalah `Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi Negara: Realiti dan Cabaran'.

Manakala Program Bicara Tokoh yang bertajuk `Menelusuri Kecemerlangan Melalui Pengalaman' menampilkan tokoh pendidikan negara, Profesor Dato' Dr. Sidek bin Baba dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Engr. Profesor Dr. Marizan bin Sulaiman sebagai pemudahcara. Kedua-dua program yang berlangung di Ruang Legar Perpustakaan UTeM telah di adakan pada 21 September 2010 dan 6 Oktober 2010 berjaya memupuk nilai-nilai tentang peri pentingnya budaya ilmu di mana ruang percambahan ilmu, perkongsian maklumat dan pengalaman yang dihadiri oleh 32 sekolah, IPT dan organisasi yang terlibat. Progarm ini akhirnya berjaya menyuntik motivasi kepada staf dan pelajar ke arah kecemerlangan dan dedikasi.

Pencapaian ini disokong dengan kehadiran pengguna melalui pengaksesan Portal Perpustakaan (http://library.utem.edu.my) yang telah mencatatkan sejumlah 201,013 pengguna di mana berlaku peningkatan sebanyak 13,123 pengguna (7 %) bagi tahun 2010. Ia juga disokong oleh carta pengunjung bulanan bagi sepanjang tahun 2010.




Melalui Program `Kepimpinan Cemerlang Memartabatkan Sekolah Gemilang` yang dianjurkan oleh Perpustakaan UTeM bersama Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran, Chenderah, Jasin, melalui khidmat masyarakat telah berjaya memberi suntikan motivasi kepada pelajar sekolah berkenaan dengan kejayaan memberangsangkan bagi tahun 2010. Ia adalah sebagai aset kepada negara dan pada masa yang sama mendedahkan UTeM kepada masyarakat.

## 2. Program Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Penubuhan Kumpulan Inovasi dan Kreatif di Pejabat Perpustakaan pada tahun 2009 selepas pendedahan staf melalui Kursus KIK pada Ogos 2008, telah berjaya menyuntik semangat dan keyakinan staf. Buat julung kalinya kumpulan KIK Pejabat Perpustakaan telah mewakili UTeM di peringkat kebangsaan semasa `Konvensyen KIK Peringkat IPTA kali ke-6' pada 17-22 Februari 2010. Akhirnya menjadi aspirasi kepada pengurusan universiti untuk menubuhkan Jawatankuasa KIK Peringkat Universiti pada tahun 2010.

**3. Perpustakaan UTeM ke arah percapaian Sijil ISO.**

Perpustakaan UTeM telah berusaha melaksanakan peningkatan kualiti dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna, di mana pihak Pengurusan Perpustakaan telah dapat melaksanakan proses audit SIRIM peringkat I pada 10 Januari 2011. Proses ini akan melonjakkan prestasi PTj yang sentiasa berusaha dari semasa ke semasa memberikan latihan kepada semua staf berhubung ISO bagi memantapkan dan mewujudkan cara bekerja yang konsisten. Seterusnya dapat menepati prinsip `betul pertama kali dan setiap kali' berdasarkan kepada prosedur yang didokumenkan. Pada masa yang sama sentiasa berusaha mengenalpasti proses yang kritikal bagi tujuan pencegahan dan membuat tindakan pembetulan.

**4. Program Pendidikan Pengguna**

Program Pendidik Pengguna kepada pelajar baru, pelajar tahun akhir, pelajar pasca siswazah dan RO serta RA telah memberi pendedahan kepada pengguna untuk mendapatkan bahan rujukan yang lebih khusus dan relevan dengan projek penyelidikan yang dijalankan. Program ini amat signifikan dengan peningkatan permohonan SPP ke atas artikel atau bahan yang menjurus kepada projek penyelidikan dan projek tahun akhir. Sokongan secara langsung bagi mendapat sumber rujukan telah membantu para penyeldik memenangi beberapa anugerah sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Ketua Pustakawan,
Pejabat Perpustakaan,
12Jan.2011

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN 2010**

**Unit Perolehan Buku**

## PEMBANGUNAN KOLEKSI

### Monograf dan Bahan Media

Pada tahun 2010, jumlah penerimaan monograf dan bahan media adalah 9,358 judul (9,554 naskah) iaitu 8,982 judul (9,116 naskah) merupakan penerimaan bagi pesanan tahun 2010 dan 376 judul (438 naskah) penerimaan bagi pesanan tahun 2009 dengan jumlah nilaian RM 2,425,812.19. Tahun 2010 menunjukkan pertambahan sebanyak 11.3% iaitu 9,200 judul (9,369 naskah) berbanding 8,066 (8,566 naskah) judul pada tahun 2009 bagi koleksi monograf. Manakala penerimaan bahan media pula menunjukkan pertambahan 38% iaitu iaitu 599 judul (642 naskah) berbanding 434 judul (520 naskah).

Perolehan bahan diperolehi berdasarkan pemilihan bahan yang telah dipilih oleh staf akademik (Pensyarah, Jurutera Pengajar, Tutor dan Guru Bahasa) serta Pegawai-Pegawai Kanan melalui katalog penerbit, senarai cadangan bahan, bahan *'on-approval'*, pameran buku anjuran Perpustakaan UTeM, pemilihan di gudang penerbit serta Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan pada setiap tahun.

Peratus penerimaan bahan pada tahun 2010 adalah 92.2% melepasi sasaran tahunan 8,121 judul iaitu 80% penerimaan daripada 10,152 judul.

| | PESANAN | | PENERIMAAN | |
|---|---|---|---|---|
| **BULAN** | **JUDUL** | **NASKAH** | **JUDUL** | **NASKAH** |
| Januari | 149 | 162 | 237 | 250 |
| Februari | 923 | 938 | 380 | 382 |
| Mac | 826 | 849 | 882 | 932 |
| April | 820 | 821 | 490 | 499 |
| Mei | 2,363 | 2,366 | 334 | 336 |
| Jun | 2,893 | 2,926 | 698 | 714 |
| Julai | 113 | 113 | 1,678 | 1,727 |
| Ogos | 273 | 257 | 1,570 | 1,603 |
| September | 6 | 6 | 612 | 617 |
| Oktober | 0 | 0 | 728 | 738 |
| November | 0 | 0 | 360 | 361 |
| Disember | 1,324 | 1,327 | 1,389 | 1,395 |
| **Jumlah** | **9,690** | **9,765** | **9,358** | **9,554** |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jumlah Pesanan dan Penerimaan Monograf & Bahan Media**






| FAKULTI | JUDUL | NASKAH | PEMBAYARAN (RM) |
|---|---|---|---|
| FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP) | 1,799 | 1,831 | 659,205.75 |
| FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM) | 889 | 893 | 316,145.79 |
| FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (FTMK) | 843 | 843 | 195,190.71 |
| FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE) | 730 | 755 | 232,102.54 |
| FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) | 1,083 | 1,104 | 318,760.86 |
| FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI & TEKNOUSAHAWAN (FPTT) | 933 | 933 | 278,948.09 |
| LAIN-LAIN* | 2,705 | 2,757 | 314,312.15 |
| **JUMLAH** | **8,982** | **9,116** | **2,314,665.89** |

*PBPI,PPS,HEPA,Canselori,Perpustakaan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Jumlah Penerimaan dan Pembayaran Bahan Mengikut Fakulti**

## Unit Pengindeksan

**Objektif Unit**

Unit Pengindeksan merupakan antara unit yang terpenting di dalam pengurusan perpustakaan yang melibatkan proses mengkatalog dan mengindeks semua jenis bahan yang diperolehi menerusi pembelian bahan, pertukaran, hadiah atau sumbangan. Unit Pengindeksan juga menjalankan aktiviti pengkatalogan dan proses perlabelan bahan mengikut Dasar Unit Pengindeksan. Sehubungan dengan itu, Unit Pengindeksan menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai seperti berikut ;

a) Memproses bahan monograf/media menggunakan aplikasi sistem perpustakaan bersepadu *Integrated Library Management Utility* (ILMU).

b) Memastikan setiap bahan yang diterima diindeks mengikut bidang perkara tertentu dan diberi nombor panggilan.

c) Menyediakan sistem pencarian bahan yang efisien bagi memudahkan pengguna mengakses bahan-bahan di perpustakaan.

**Pencapaian:**

Jumlah keseluruhan bahan belian yang telah diproses:

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| Pengkatalogan asal, CIP dan naskah tambahan (belian) | 9,060 judul/9,386 naskah |
| Pengkatalogan bahan sumbangan | 120 judul/133 naskah |
| Jumlah | 7,970 judul/8,226 naskah |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Jumlah keseluruhan koleksi mengikut jenis bahan:

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| Buku (termasuk naskah tambahan) | 9,060 judul/9,386 naskah |
| Terbitan Berkala | 71 judul / 108 naskah |
| Bahan Sumbangan | 120 judul/133 naskah |
| Bahan Koleksi Khas UTeM | 609 judul/971 naskah |
| Bahan Media | 342 judul/377 naskah |

- Unit Pengindeksan menggunakan standard pengkelasan Library of Congress Subject Heading sebagai alat untuk pemilihan tajuk-tajuk perkara.
- Super LCCS (Gale's Library of Congress Classification Schedules) pula digunakan sebagai alat untuk pemilihan nombor-nombor pengkelasan dan Cutter Table pula digunakan untuk memberi nombor buku pada setiap bahan.
- Bagi keseragaman dalam pembentukan setiap rekod bibliografi, Anglo-American Cataloguing Rules 2nd ed. 2002 rev. atau AACR2 2nd ed. dirujuk.
- Sebagai panduan kemasukan data dalam sistem ILMU, MARC 21 dijadikan sebagai rujukan utama.

- Sebagai tambahan, dasar pengindeksan juga digunakan sebagai rujukan utama.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**LAPORAN TAHUNAN 2010**
**BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT**

## 1.0 PENGENALAN

Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat terdiri daripada 3 unit iaitu :

- Unit Sirkulasi
- Unit Media
- Unit Rujukan

## 2.0 STAF

Keseluruhan staf di bahagian ini berjumlah 24 orang yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Setiausaha Pejabat, tiga orang Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan, tiga orang Pembantu Perpustakaan Kanan, tujuh belas orang Pembantu Perpustakaan dan Juruteknik.

Pengagihan mengikut unit adalah seperti berikut :

| Jawatan / Unit | Sirkulasi | Media | Rujukan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Timbalan Ketua Pustakawan Kanan | 1 | - | - | 1 |
| Pustakawan | - | - | 3 | 3 |
| Penolong Pegawai Perpustakaan | 1 | - | - | 1 |
| Pembantu Tadbir Kesetiausahaan | 1 | - | - | 1 |
| Pembantu Perpustakaan Kanan | 3 | - | - | 3 |
| Pembantu Perpustakaan | 9 | - | 5 | 14 |
| Juruteknik | - | 1 | - | 1 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **15** | **1** | **8** | **24** |

**UNIT SIRKULASI**

## 1.0 PERUBAHAN WAKTU PERPUSTAKAAN

- Mulai 12 Julai 2010, sesi akademik 2010/2011, waktu tutup Perpustakaan adalah jam 10.00 malam
- Perpustakaan juga beroperasi pada waktu rehat hari Jumaat mulai 16 Julai 2010.

## 2.0 PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

### 2.1 Pengguna Perpustakaan

Bagi tahun 2010, jumlah pengguna Perpustakaan ialah 72,736 orang pengguna iaitu penurunan sebanyak 28.7% berbanding tahun 2009 iaitu seramai 101,964 orang pengguna.
Penurunan yang ketara ini disebabkan :

- Cuti pertengahan semester selama 2 minggu mulai 4 hingga 19 September

**Lihat di lampiran 1*

### 2.2 Pinjaman Bahan

Jumlah pinjaman bahan bagi tahun 2010 ialah sebanyak 28,366 naskhah berbanding tahun 2009 sebanyak 30,299 naskhah.

Peratus menunjukkan penurunan sebanyak 6.4%.

Peminjaman oleh Pelajar Ijazah Sarjana Muda merupakan kategori ahli yang paling banyak meminjam iaitu 19,006 pinjaman pada tahun 2010. Ini diikuti dengan kategori seperti staf Akademik sebanyak 2,410 pinjaman, Pelajar Master 2,102 pinjaman, dan Staf Pentadbiran 1,763 pinjaman.

**Lihat di lampiran 1*

اونيۆرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### 2.3 Pameran Bahan Baru

Pameran bahan baru bagi tahun 2010 telah diadakan sebanyak 12 kali iaitu sebanyak 534 judul.

### 2.4 Book Drop dan Sistem Pinjaman Layan Diri

- Sebanyak 2 unit Sistem Pinjaman Layan Diri telah diletakkan di Unit Sirkulasi. Sistem Pinjaman Layan Diri telah berfungsi pada Ogos 2008
- Book Droop telah mula beroperasi pada Disember 2010

### 2.5 Kutipan Hasil

Kutipan hasil bagi tahun 2010 berjumlah adalah RM 31,996.28. (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Enam dan Dua Puluh Lapan Sahaja)

### 2.6 Penggunaan Ruang

2.6.1 Ruang 24 jam telah mula beroperasi pada Disember 2010

2.6.2 Sewaan Loker
Sepanjang tahun 2010, jumlah pengguna yang menyewa loker adalah sebanyak 93 orang. Peratus menunjukkan pengurangan sebanyak 38% berbanding tahun 2009 iaitu seramai 150 orang.

## 3.0 PROJEK / AKTIVITI LAIN

3.1 Projek / aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2010 meliputi :

- Projek menampal Tag RFID. Jumlah keseluruhan adalah 12,585.
- Projek Pemantapan Koleksi Bahan Perpustakaan. Sebanyak 6,180 judul dan sebanyak 6,849 kekerapan pinjaman.
- Projek Penyemakan Stok

## 4.0 PENUTUP

Sepanjang tahun 2010, Perpustakaan telah beroperasi dengan baik, dengan pertambahan Book Drop, 2 unit Mesin Layan Diri dan Ruang 24 jam.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**UNIT MEDIA**

Statistik Koleksi Media

| DVD | VCD | CDR | Kaset Video | Disket |
|---|---|---|---|---|
| 615 Bahan | 202 Bahan | 9088 Bahan | 1294 Bahan | 385 Bahan |

## STATISTIK RUANG PERPUSTAKAAN 2010

| Bulan | Ruang Perpustakaan | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bilik Tayangan | Bilik Perbincangan | Bilik Karel | Bilik Seminar | Bilik Pandang Dengar | |
| **Januari** | 2107 | 3 | 0 | 0 | 0 | **2110** |
| **Februari** | 1411 | 10 | 0 | 0 | 0 | **1421** |
| **Mac** | 2129 | 21 | 28 | 0 | 0 | **2178** |
| **April** | 1518 | 32 | 77 | 62 | 0 | **1689** |
| **Mei** | 292 | 3 | 3 | 0 | 0 | **298** |
| **Jun** | 350 | 2 | 0 | 31 | 0 | **383** |
| **Julai** | 974 | 15 | 7 | 30 | 0 | **1026** |
| **Ogos** | 932 | 57 | 27 | 30 | 0 | **1046** |
| **September** | 860 | 55 | 36 | 0 | 0 | **951** |
| **Oktober** | 931 | 129 | 145 | 170 | 0 | **1375** |
| **November** | 126 | 58 | 187 | 20 | 0 | **391** |
| **Disember** | 20 | 2 | 2 | 32 | 0 | **56** |
| **Jumlah** | **11650** | **387** | **512** | **375** | **0** | **12924** |

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Statistik Pinjaman Bahan Media

| Perkhidmatan / Tarikh | PINJAMAN DVD | PINJAMAN VCD | PINJAMAN CDR | PINJAMAN KASET VIDEO | PINJAMAN DISKET | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Januari | 0 | - | 0 | - | - | 0 |
| Februari | 0 | - | 3 | - | - | 3 |
| Mac | 0 | - | 0 | - | - | 0 |
| April | 0 | - | 7 | - | - | 7 |
| Mei | 3 | - | 0 | - | - | 3 |
| Jun | 0 | - | 7 | - | - | 7 |
| Julai | 0 | - | 1 | - | - | 1 |
| Ogos | 0 | - | 1 | - | - | 1 |
| September | 2 | - | 0 | - | - | 2 |
| Oktober | 0 | - | 0 | - | - | 0 |
| November | 0 | - | 0 | - | - | 0 |
| Disember | 0 | - | 0 | - | - | 0 |
| JUMLAH | 5 | - | 19 | - | - | **24** |

Statistik Penggunaan Peralatan Media

| Perkhidmatan<br><br>Tarikh | Laptop | Kamera Video | LCD Projektor Mudah Alih | DVD Mudah Alih | Tripod | Microphone | Pengguna Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Januari | - | - | 6 | 0 | - | - | 6 |
| Februari | - | - | 6 | 0 | - | - | 6 |
| Mac | - | - | 7 | 0 | - | - | 7 |
| April | - | - | 12 | 0 | - | - | 12 |
| Mei | - | - | 5 | 0 | - | - | 5 |
| Jun | - | - | 0 | 0 | - | - | 0 |
| Julai | - | - | 2 | 0 | - | - | 2 |
| Ogos | - | - | 9 | 0 | - | - | 5 |
| September | - | - | 9 | 0 | - | - | 9 |
| Oktober | - | - | 9 | 0 | - | - | 9 |
| November | - | - | 11 | 0 | - | - | 11 |
| Disember | - | - | 0 | 0 | - | - | 0 |
| **JUMLAH** | - | - | **75** | **0** | - | - | **75** |

AKTIVITI UNIT MEDIA

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

| AKTIVITI | TEMPAT |
|---|---|
| Mengambil gambar kerja-kerja kontraktor di dalam Bilik Pegawai Media. | Unit Media. |
| Berbincang dengan pihak digital signage bagi pemasangan astro. | Unit Media |
| Merakam Racangan terpilih astro. | Bilik Rakaman |
| Memantau kontaktor bagi pemasangan LCD Projektor dalam Ruang Media. | Ruang Tayangan dan Bilik Tayangan |
| Memeriksa bahan media | Bilik Simpanan bahan Media |
| Mengemaskini Kaunter Media. Pemasangan Kaunter Media | Kaunter Media |
| Memantau pergerakan pengguna yang menggunakan internet. ruang komputer internet dan tugasan. | Ruang komputer internet dan tugasan |
| Melakukan kerja suntingan bagi Rekod Rakaman Racangan Terpilih. | Penerbit |
| Tag semua bilik dan ruang Unit Media | Semua Bilik Media |
| Kemasukkan perbaot untuk bilik perbincangan | Bilik Bincang |
| Pemeriksaan Peralatan Unit Media | Peti Simpanan Peralatan |

**UNIT RUJUKAN**

**KELAS PENDIDIKANPENGGUNA**

Kelas Kemahiran Maklumat adalah program bimbingan khusus mengenai penggunaan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan. Pustakawan akan mengendalikan kelas ini pada tarikh-tarikh yang telah ditentukan pada setiap semester. Topik perbincangan merangkumi teknik pencarian bahan melalui katalog perpustakaan (WebOPAC) dan pencarian maklumat melalui Pangkalan Data Atas Talian. Dengan mengikuti kelas ini, pengguna berpeluang mempraktikkan apa yang dipelajari dengan bimbingan pustakawan. Pengguna akan dibekalkan dengan nota-nota yang berkaitan semasa kelas. Pelajar dan staf akademik baru digalakkan menghadiri kelas ini. Pelajar dan staf akademik "senior" boleh memohon untuk mengadakan kelas ini.

Jumlah keseluruhan Kelas Pendidikan Pengguna diadakan sepanjang 2010 adalah sebanyak 19 kali dan telah dihadiri seramai 561 orang yang terdiri daripada pelajar baru, pelajar tahun akhir,pasca siswazah, RA/RO, Praktis, Pensyarah dan Tutor.

*Lihat di lampiran 2*

**SKIM PEMBEKALAN PENERBITAN**

Perkhidmatan Pembekalan Dokumen bertujuan membantu mendapatkan bahan-bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM melalui kerjasama antara perpustakaan sama ada di dalam negeri atau di luar negara. Semua staf dan pelajar UTeM (**yang berdaftar dan berstatus aktif dalam sistem perpustakaan**) adalah layak untuk menggunakan perkhidmatan ini. Permohonan hanya dibenarkan bagi bahan-bahan yang diperlukan untuk tujuan tugas, pengajaran dan penyelidikan dan tertakluk di bawah Akta Hakcipta.

Pada tahun 2010, Unit Rujukan telah menerima sebanyak 80 permohonan SPP samada berbentuk bercetak dan artikel atas talian. Permohonan yang berjaya dipenuhi adalah sebanyak 58 permohonan, manakala 22 permohonan telah dibatalkan kerana berkaitan faktor masa ketiadaan bahan.

**PAMERAN**

Unit Rujukan juga bertanggungjawab dalam mengadakan pameran bagi tujuan mempromosikan perpustakaan kepada warga UTeM dan menjalinkan kerjasama perkongsian maklumat dengan organisasi dan masyarakat luar.Pameran yang diadakan terbahagi kepada 2 kategori iaitu pameran semasa(dalaman) dan pameran luar(melibatkan agensi dan organisasi kerajaan).
Pameran Semasa: 18
Pameran Luar: 5

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MEMUATNAIK BAHAN KOLEKSI KHAS UTeM**

Sepanjang tahun 2010, Unit Rujukan telah Berjaya memuat naik bahan-bahan koleksi khas ke portal perpustakaan di bahagian **e-document**. Pecahan jumlah bagi bagi setiap bahan adalah seperti berikut:

1. Projek Sarjana Muda (PSM ) : 690 judul
2. Projek Jangka Pendek (PJP): 65 judul
3. Tesis: 96 judul
4. Keratan Akhbar: 1081
5. Kertas Peperiksaan: 382
6. Teks Ucapan Naib Canselor: 52
7. Kandungan Helaian Jurnal: 491

**PERTANYAAN RUJUKAN**

Perpustakaan telah menerima 672 pertanyaan rujukan.

**Lihat di lampiran 3*

**LAPORAN PEGAWAI PERANTARA**

Pada tahun 2010, Pegawai Perantara telah memaklumkan kepada setiap fakulti berkenaan peranan dan kerjasan yang dapat dijalinkan diantara Perpustaakan dan fakulti melalui surat yang dihantar kepada Ketua Penolong Pendaftar serta Penolong Pendaftar setiap fakulti.

Selain daripada itu, Pegawai Perantara juga telah mengambil initiative dengan pergi ke fakulti untuk memberi penerangan serta mengedarkan risalah dan brosur tentang prkhidmatan dan kemudahan yang ada di perpustakaan. Di samping itu juga, komunikasi melalui emel dan telefon juga telah diaplikasikan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

| Bil. | Tindakan | Catatan | |
|---|---|---|---|
| 01 | Surat menyurat | Surat pemakluman Pegawai Perantara telah dikeluarkan kepada setiap fakulti | UteM.04.01/10.24/1/1 Jld. 5 (6)<br><br>Semua Fakulti |
| 02 | Pertemuan | Mengadakan pertemuan awal bersama Ketua Penolong Pendaftar dan Penolong Pendaftar Fakulti | PBPI<br>FKE<br>FKM<br>FKP |
| 03 | Telefon | Menghubungi fakulti bagi mendapatkan maklumbalas pertemuan dan perbincangan | Semua Fakulti |

## LAWATAN

Perpustakaan telah menerima 6 kumpulan lawatan dengan kehadiran 144 peserta dan 46 pelawat individu. Jumlah keseluruhan pelawat adalah seramai 190 orang.

**Lihat di lampiran 4*

## FESTIVAL MEMBACA

Perpustakaan telah menganjurkan 15 aktiviti sempena Festival Membaca 2010 dengan kos RM 7,050.00. Dua program utama yang dianjurkan ialah 'Bicara Ilmu' yang bertajuk ' Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi Negara : Realiti dan Cabaran' dan 'Bicara Tokoh' yang bertajuk 'Menelusuri Kecemerlangan Melalui Pengalaman'. Program ini berjaya memupuk nilai-nilai kepentingan budaya ilmu di mana ruang percambahan ilmu, perkongsian maklumat dan pengalaman.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

LAMPIRAN 1

## PERANGKAAN KESELURUHAN PERKHIDMATAN 2010

| BULAN | PENGGUNA | KEAHLIAN PENGGUNA | PINJAMAN BAHAN | | | | | | | | | | | | | | | | RUJUKAN | | | BILIK BINCANG | BILIK KAREL | PAMERAN BAHAN BARU | TEMPAHAN BAHAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | ACD | ADM | ALM | ARO | BOR | CP | DEG | DIP | ENG | LT | MS | OFC | PHD | RO | TUT | JUMLAH | PSM | TESIS | PJP | | | | |
| JANUARI | 5643 | 37 | 252 | 148 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1824 | 331 | 26 | 1 | 274 | 1 | 28 | 0 | 37 | **2922** | 75 | 1 | 0 | 3 | 0 | 38 | 33 |
| FEBRUARI | 4318 | 63 | 135 | 106 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1124 | 268 | 9 | 0 | 117 | 13 | 15 | 0 | 20 | **1807** | 29 | 1 | 0 | 10 | 0 | 40 | 40 |
| MAC | 5695 | 18 | 223 | 157 | 0 | 15 | 0 | 6 | 1435 | 349 | 17 | 0 | 202 | 13 | 31 | 0 | 30 | **2478** | 36 | 0 | 0 | 21 | 28 | 49 | 18 |
| APRIL | 4501 | 13 | 136 | 135 | 7 | 0 | 0 | 4 | 699 | 82 | 23 | 0 | 145 | 1 | 34 | 0 | 28 | **1294** | 36 | 1 | 0 | 32 | 77 | 35 | 11 |
| MEI | 731 | 16 | 226 | 132 | 0 | 28 | 0 | 4 | 319 | 16 | 9 | 0 | 125 | 13 | 26 | 0 | 35 | **933** | 17 | 1 | 0 | 3 | 3 | 45 | 23 |
| JUN | 716 | 19 | 270 | 145 | 0 | 3 | 0 | 3 | 161 | 7 | 28 | 0 | 114 | 5 | 16 | 0 | 26 | **778** | 125 | 2 | 0 | 2 | 0 | 44 | 12 |
| JULAI | 9178 | 21 | 296 | 179 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3701 | 217 | 44 | 3 | 163 | 0 | 16 | 0 | 99 | **4718** | 17 | 3 | 0 | 15 | 7 | 43 | 20 |
| OGOS | 14137 | 16 | 172 | 183 | 2 | 10 | 0 | 0 | 3599 | 207 | 13 | 0 | 232 | 10 | 55 | 0 | 62 | **4545** | 50 | 5 | 0 | 57 | 27 | 43 | 29 |
| SEPTEMBER | 7658 | 0 | 117 | 158 | 2 | 1 | 0 | 0 | 2287 | 178 | 27 | 0 | 177 | 6 | 3 | 0 | 24 | **2980** | 44 | 1 | 0 | 55 | 36 | 48 | 21 |
| OKTOBER | 13684 | 1 | 170 | 170 | 2 | 13 | 0 | 0 | 2743 | 222 | 12 | 0 | 256 | 6 | 26 | 0 | 8 | **3628** | 64 | 12 | 0 | 129 | 145 | 49 | 19 |
| NOVEMBER | 5971 | 3 | 143 | 115 | 2 | 10 | 0 | 0 | 927 | 55 | 28 | 0 | 163 | 8 | 32 | 0 | 10 | **1493** | 17 | 0 | 0 | 58 | 187 | 79 | 13 |
| DISEMBER | 504 | | 270 | 135 | 2 | 7 | 0 | 0 | 187 | 0 | 30 | 0 | 134 | 1 | 16 | 0 | 8 | **790** | | | | 2 | 2 | 21 | |
| JUMLAH KESELURUHAN | **72,736** | **207** | 2410 | 1763 | 17 | 87 | 0 | 17 | 19006 | 1932 | 266 | 4 | 2102 | 77 | 298 | 0 | 387 | **28366** | **510** | **27** | **0** | **387** | **512** | **534** | **239** |
| | | | **28,366** | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Kehadiran pengguna berkurangan pada bulan September disebabkan: **4 - 19 Sept - Cuti Pertengahan Semester I / Cuti Khas (2 Minggu), Waktu operasi perpustakaan pada 7 - 9 Sept (8 pg - 5 ptg), 9, 14, 15 & 17 Sept** - Tiada pengguna yang datang, **10 - 13 Sept** - Perpustakaan tutup (Cuti Hari Raya), 16 Sept - Perpustakaan tutup (Cuti 1 Malaysia). Peratus kenaikkan antara bulan September dengan bulan Oktober adalah sebanyak 44 %

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Lampiran 2

**STATISTIK KELAS PENDIDIKAN PENGGUNA 2010**

Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Unit Rujukan

| Bulan | KELAS PENDIDIKAN PENGGUNA | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KPP PELAJAR | KEHADIRAN | KPP RA/RO | KEHADIRAN | KPP UMUM | KEHADIRAN | KPP PERMOHONAN | KEHADIRAN |
| Januari | 4 | 56 | 2 | 25 | | | | |
| Februari | | | | | 2 | 72 | 3 | 160 |
| Mac | | | | | | | | |
| April | | | | | | | | |
| May | | | | | | | | |
| Jun | | | | | 1 | 4 | | |
| Julai | 3 | 60 | | | | | 1 | 140 |
| Ogos | | | | | | | | |
| September | | | | | | | | |
| Oktober | | | 2 | 30 | | | | |
| November | | | | | | | | |
| Disember | | | | | | | | |
| **JUMLAH** | 7 | 116 | 4 | 55 | 3 | 76 | 4 | 300 |

| | |
|---|---|
| Pelajar Baru | 365 orang |
| Pelajar Tahun Akhir | 92 Orang |
| Pasca Siswazah | 40 Orang |
| RA/RO | 55 Orang |
| Praktis | 4 Orang |
| Pensyarah/Tenaga Pengajar/Tutor | 5 orang |
| Jumlah keseluruhan | 561 orang |
| Kelas diadakan | 19 |

| | Cadangan Penambahbaikan |
|---|---|
| 1 | Mempertingkatkan modul Kelas Pendidkan Pengguna |
| 2 | Mewajibkan Pelajar hadir ke KPP bersama Pensyarah |
| 3 | Diberikan slot penerangan berkaitan perpustakaan di Minggu Haluan Siswa |
| 4 | Tutorial secara online di portal Perpustakaan |

Disediakan oleh Zaidi Bin Saad

Lampiran 3

**STATISTIK MEJA PENASIHAT PENGGUNA 2010**

Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Unit Rujukan

| Bulan | PERTANYAAN RUJUKAN MPP | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Penggunaan Web-Opac | Pangkalan Data | Pencarian Bahan | Pencarian Maklumat | Lain-lain | Jumlah |
| Januari | 12 | 25 | 19 | 11 | 9 | 76 |
| Februari | 12 | 9 | 31 | 7 | 9 | 68 |
| Mac | 15 | 17 | 17 | 21 | 15 | 85 |
| April | 11 | 10 | 13 | 6 | 5 | 45 |
| May | 7 | 29 | 13 | 14 | 16 | 79 |
| Jun | 8 | 11 | 6 | 9 | 9 | 43 |
| Julai | 10 | 22 | 14 | 5 | 7 | 58 |
| Ogos | 5 | 32 | 14 | 15 | 10 | 76 |
| September | 7 | 16 | 18 | 7 | 6 | 54 |
| Oktober | 6 | 29 | 10 | 9 | 6 | 60 |
| November | 4 | 11 | 2 | 0 | 0 | 17 |
| Disember | 4 | 7 | 0 | 0 | 0 | 11 |
| **JUMLAH** | 101 | 218 | 157 | 104 | 92 | 672 |

Nota

Jumlah Pertanyaan adalah merangkumi: Perbualan Telefon,Email,Perjumpaan,Statistik Borang Pertanyaa MPP

Disediakan oleh:Zaidi Bin Saad

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

STATISTIK
LAWATAN KE PERPUSTAKAAN UTeM
JANUARI – OKTOBER 2010
UNIT RUJUKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PELANGGAN

| BIL. | TARIKH | KUMPULAN/ORGANISASI | PESERTA (ORANG) |
|---|---|---|---|
| 1. | 29/01/10 | Majlis Pembangunan Wanita Bahagian Bukit Katil, Melaka | 40 |
| 2. | 04/02/10 | Perpustakaan UTHM, Batu Pahat, Johor | 10 |
| 3. | 15/03/10 | Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Shah Alam, Selangor | 38 |
| 4. | 27/05/10 | Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTECH), Batu Pahat, Johor | 5 |
| 5. | 30/06/10 | Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam, Selangor | 30 |
| 6. | 04/10/10 | Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Shah Alam, Selangor | 21 |
| | | JUMLAH | 144 |

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Disediakan oleh : Mahadir Bin Che Ali
Tarikh : 25/10/10

Jumlah Pengunjung ke Portal Perpustakaan UTeM Mengikut Tahun

| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Januari | - | 4,896 | 7,488 | 13,090 | 17,112 | 16,280 |
| Februari | - | 4,787 | 7,651 | 15,137 | 19,784 | 13,702 |
| Mac | - | 5,875 | 8,467 | 14,947 | 18,120 | 16,597 |
| April | 4,352 | 6,092 | 8,793 | 15,566 | 19,827 | 18,210 |
| Mei | 4,788 | 6,256 | 8,957 | 17,519 | 20,870 | 17,109 |
| Jun | 5,985 | 5,984 | 8,544 | 18,256 | 19,577 | 13,981 |
| Julai | 6,529 | 5,990 | 8,950 | 10,865 | 15,586 | 20,705 |
| Ogos | 5,985 | 6,092 | 8,556 | 12,747 | 9,328 | 23,530 |
| September | 6,257 | 4,626 | 7,732 | 13,361 | 12,015 | 19,108 |
| Oktober | 5,553 | 5,168 | 7,762 | 14,730 | 14,712 | 22,202 |
| November | 4,896 | 4,896 | 7,478 | 16,852 | 11,058 | 19,589 |
| Disember | 4,624 | 4,622 | 7,559 | 7,903 | 9,901 | 13,878 |
| | 48,969 | 65,284 | 97,937 | 170,973 | 187,890 | 214,891 |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bacaan Meter Web 2009

| | Tarikh Dari | Tarikh Hingga | Bacaan web | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Januari | 06/01/2009 | 03/02/2009 | 440,177 | 17,112 |
| Februari | 04/02/2009 | 28/02/2009 | 457,289 | 19,784 |
| Mac | 01/03/2009 | 06/04/2009 | 477,073 | 18,120 |
| April | 07/04/2009 | 03/05/2009 | 495,193 | 19,827 |
| Mei | 04/05/2009 | 07/06/2009 | 515,020 | 20,870 |
| Jun | 08/06/2009 | 30/06/2009 | 535,890 | 19,577 |
| Julai | 01/07/2009 | 31/07/2009 | 555,467 | 15,586 |
| Ogos | 01/08/2009 | 31/08/2009 | 571,053 | 9,328 |
| September | 01/09/2009 | 01/10/2009 | 9,328 | 12,015 |
| Oktober | 02/10/2009 | 01/11/2009 | 21,343 | 14,712 |
| November | 02/11/2009 | 30/11/2009 | 36,055 | 11,058 |
| Disember | 01/12/2009 | 31/12/2009 | 47,113 | 9,901 |
| | | | 57,014 | |

paparan portal baru

**Bacaan Meter Web 2010**

| | Tarikh Dari | Tarikh Hingga | Bacaan web | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Januari | 31/12/2009 | 31/01/2010 | 57,014 | 16,280 |
| Februari | 01/02/2010 | 28/02/2010 | 73,294 | 13,702 |
| Mac | 01/03/2010 | 31/03/2010 | 86,996 | 16,597 |
| April | 01/04/2010 | 30/04/2010 | 103,593 | 18,210 |
| Mei | 01/05/2010 | 31/05/2010 | 121,803 | 17,109 |
| Jun | 01/06/2010 | 30/06/2010 | 138,912 | 13,981 |
| Julai | 01/07/2010 | 31/07/2010 | 152,893 | 20,705 |
| Ogos | 01/08/2010 | 31/08/2010 | 173,602 | 23,530 |
| September | 01/09/2010 | 30/09/2010 | 197,132 | 19,108 |
| Oktober | 01/10/2010 | 31/10/2010 | 216,240 | 22,202 |
| November | 01/11/2010 | 30/11/2010 | 238,442 | 19,589 |
| Disember | 01/11/2010 | 31/11/2010 | 258,031 | 13,878 |
| | | | 271,909 | |
| | | | | 214,891.0 |

MALAYSIA MELAKA
UNIVERSITI TEKNIKAL
UTeM
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
